

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MENEPONG TAWAR KAPAL TLDM,
K D SRI INDERA SAKTI, DI PELABUHAN
KELANG, PADA HARI ISNIN, 29HB.
DISEMBER, 1980, JAM 10.00 PAGI.

~~Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.~~

~~Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri, *Pertahanan*~~

TENTERA DARAT,

~~2. Pemangku Ketua Turus Angkatan *Tentera*
General Tan Sri Dato Mohd. Ghazali bin Dato Mohd. Seth~~

~~3. Ketua Turus Tentera Laut
Laksamana Muda Dato Mohd. Zain bin Mohd. Saleh,~~

~~4. *Ketua Turus Tentera Udara.*
Tuan Yang Terutama Duta-duta,~~

~~Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan
Puan Sri-Puan Sri,~~

~~Yang Berbahagia Dato-Dato dan Datin-Datin,~~

~~Dif-dif Yang Kehormat,~~

~~5. *Kapten Mohamed Khalid,*~~

~~^ Pegawai-pegawai dan Anak-anak Kapal KD SRI
INDERA SAKTI,~~

~~6. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.~~

2.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmatNYA, dapat kita bersama-sama berkumpul di majlis ini.

Seterusnya, saya mengucapkan selamat kembali ke tanahair, kepada pegawai-pegawai dan anak-anak kapal di Raja Sri Indera Sakti ini, setelah berada di seberang laut untuk beberapa waktu.

2. Peranan dan tanggungjawab Tentera Laut di Raja Malaysia, adalah berat lagi penting. Selain dari tugas utamanya, iaitu menjaga perairan dan keselamatan negara, TLDM juga mempunyai peranan membantu nelayan-nelayan dan lain-lain pihak, khususnya

3.

apabila mereka memerlukan bantuan atau pertolongan.

4. Kerajaan sekarang ini sedang berusaha untuk mempromosikan serta mempromosikan industri Angkatan Bersenjata, seiring dengan kemampuan negara. Walau pun perhatian yang betul ditumpukan kepada usaha pembangunan negara, namun demikian keselamatan negara juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa keselamatan, usaha-usaha pembangunan kita akan terjejas. Pembelian kapal K D Andera Sakli ini, membuktikan hasrat Kerajaan untuk melengkapkan angkatan bersenjata.

...4/-

...5/-

4.

Tuan-tuan dan puan-puan.

4. Kerajaan sekarang ini sedang berusaha, untuk memperluas serta mempermodenkan lagi Angkatan Bersenjataanya, seimbang dengan kemampuan negara. Walau pun perhatian yang berat ditumpukan kepada usaha-usaha pembangunan negara, namun demikian, keselamatan negara, juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa keselamatan, usaha-usaha pembangunan kita akan terjejas. Pembelian kapal Sri K D Indera Sakti ini, membuktikan hasrat Kerajaan, untuk melengkapkan angkatan bersenjata kita

...5/-

5.

dengan peralatan dan kemudahan, bagi memenuhi keperluan pertahanan negara dengan berkesan.

5. Sepertimana kita semua maklum, hasrat ASEAN untuk menjadikan Rantau Asia Tenggara sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali, merupakan satu matlamat yang penting. Usaha-usaha telah dijalankan untuk membawa kenyataan kepada konsep ini, tetapi kita masih menghadapi beberapa rintangan. Walau apa pun rintangannya, kita tidak akan berhenti untuk berusaha ke arah mencapai matlamat ini. Dengan keamanan dan kesetabilan sahajalah, negara-negara di rantau ini akan dapat membangun dengan lebih pesat lagi.

... 6/-

6.

6. Pada masa ini, perkembangan di rantau ini menjadi satu perkara yang mendatangkan kebimbangan kepada kita. Oleh itu, disamping kita berusaha untuk mewujudkan keamanan, kita hendaklah juga menentukan, bahawa keselamatan negara sentiasa terjamin.

Tuan-tuan dan puan-puan.


7. ~~6.~~ Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TLDM di atas kemajuannya setakat ini. Saya menyeru semua pegawai dan anggota TLDM, supaya terus tekun dan berusaha untuk meningkatkan lagi

... 7/-

7.

khidmat baik mereka, demi kepentingan dan keselamatan negara. Khidmat dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh setiap anggota TLDM, adalah dihargai oleh rakyat keseluruhannya.

8. Akhir kata, kepada KD Sri Indera Sakti, serta pegawai-pegawai dan anak-anak kapalnya, saya berdoa ke hadrat Allah, semoga diberi perlindungan dan selamat menjalankan tugas.





khidmat baik mereka, demi kepentingan
keselamatan negara. Khidmat dan perkhidmatan
yang ditunjukkan oleh setiap anggota T.D.M. adalah
dihargai oleh rakyat keseluruhannya.

8. Akhir kata, kepada KD Sri Indira Sakti

serta pegawai-pegawai dan anak-anak kepunyaan

sayu berdoa ke hadirat Allah, semoga

lindungan dan selamat menjalan



| | |
|---------------|--------|
| No Siri | 509 |
| No Penerimaan | 113/81 |